

PPSMI

Jangan Ulangi Kesilapan Lalu

Oleh MAT ROFA ISMAIL

Sesungguhnya kita memerlukan pembinaan kurikulum acuan kita sendiri yang perlu diambil kira aspek intelek, iman, sahsiah, budaya, moral, bahasa dan kemasyarakatan dalam sistem nilai kita sendiri. Kita menerima ilmu dari seluruh dunia tetapi kurikulum ini perlu ditapis dan diolah agar sesuai dengan falsafah pendidikan negara.

Gagasan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) diperkenalkan pada tahun 2003 untuk dilaksanakan di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah seluruh negara. Mesyuarat khas Jemaah Menteri pada 17 Julai 2002 telah mengambil ketetapan tersebut dan dilaksanakan pada tahun yang berikutnya. Pelajar tahun satu sekolah rendah, pelajar tingkatan satu sekolah menengah dan pelajar tingkatan enam rendah membuka lembaran sejarah dengan memulakan pengajian dalam bahasa Inggeris bagi matapelajaran Sains dan Matematik. Pada tahun 2007 lengkaplah pelaksanaan PPSMI di sekolah menengah, manakala tahun berikutnya lengkap pula pelaksanaannya di sekolah rendah. Rasional pelaksanaan PPSMI berkaitan dengan "keperihatinan kerajaan tentang pembangunan sumber manusia untuk mencapai negara maju serta persaingan

peringkat globalisasi". Sumber ini turut menyebut bahawa PPSMI memudahkan proses pemindahan ilmu serta diharapkan dasar ini akan meningkatkan penguasaan Matematik dalam kalangan pelajar. Pelaksanaan PPSMI segera mendapat reaksi yang pelbagai daripada masyarakat. Ada yang menentang dan ada pula yang menyokongnya. Bagi kumpulan yang tidak bersetuju, mereka melihat gagasan ini kelihatannya bercanggah dengan Dasar Pendidikan Kebangsaan pindaan 1996, yang mempertahankan bahasa Melayu sebagai bahasa teras pendidikan. Menurut mereka lagi, lebih besar daripada itu, pelaksanaan ini benar-benar bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan yang menjamin kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa utama negara.


Para pendokong pelaksanaan bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains pula sering berhujah bahawa bahasa Inggeris merupakan bahasa saintifik

antarabangsa dan kemajuan sesuatu kaum dalam sains dan teknologi bergantung pada penguasaan bahasa Inggeris. Menurut mereka lagi, bahasa Inggeris lebih lengkap daripada bahasa Melayu serta mempunyai peristilahan yang sempurna. Bahasa Inggeris ialah bahasa saintifik yang telah lama mantap serta berperanan dalam tamadun manusia. Bahasa Melayu ada banyak kelemahan khususnya apabila digunakan untuk mengungkapkan persoalan sains dan teknologi. Itulah dakwaan yang sering diberikan oleh pengagum bahasa berkenaan. Sejauh manakah kebenaran dakwaan tersebut?

Mereka mungkin tidak memerhatikan negara yang menggunakan bahasa Inggeris seperti Filipina suatu ketika dahulu bukanlah termasuk dalam negara maju di Asia Tenggara. Demikian juga Uganda dan Nigeria di Afrika. Namun, Jepun, Jerman dan Rusia misalnya yang tidak menggunakan bahasa Inggeris turut menjadi

pelopor dalam sains dan teknologi. Adakah bahasa Inggeris menjadi faktor dalam kemajuan sesuatu negara? Jerman ketika keagungan Andalusia di Eropah, pernah pada suatu ketika menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pendidikan, tetapi pelajar mereka menghadapi masalah memahami Sains dan Matematik dalam bahasa Arab. Mereka bertukar kepada bahasa Latin. Sistem pendidikan mereka pun masih bermasalah, lalu akhirnya mereka bertukar kepada bahasa ibunda, iaitu bahasa Jerman. Jerman kemudiannya menjadi negara termaju di Eropah menjelang Perang Dunia Pertama. Jepun ketika Meiji menyangka penggunaan bahasa negara maju akan memajukan sistem pendidikan mereka lalu mereka menggunakan bahasa Rusia dalam pendidikan. Jepun tidak berjaya dengan bahasa asing tetapi Jepun moden membina teknologi menerusi jati diri bahasa ibundanya sendiri. Tradisi ini diikuti oleh Korea dan Taiwan.

Pengagum bahasa Inggeris turut tidak menyedari bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan sejak kurun pertama Masihi ketika bahasa Inggeris belum wujud sebagai bahasa tersendiri lagi. Alam Melayu menjadi pusat pengajian khususnya ketika pemerintahan Sriwijaya. Palembang dikunjungi oleh para pendeta dari China untuk menimba ilmu. Bahkan lebih awal daripada itu, Funan telah berperanan sebagai pusat pemerintahan serta pusat keilmuan. Melayu mempunyai budaya keilmuan yang sangat lama. Kerajaan Langkasuka turut



Falsafah Pendidikan Negara bertujuan untuk melahirkan pelajar yang mempunyai watak yang bersepadu

mengembangkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Kemuncak perkembangan ilmu rantau Melayu berlaku apabila Islam sampai ke alam Melayu. Kerajaan Patani yang menggantikan Langkasuka telah muncul sebagai tapak peradaban yang agung. Selain itu, Aceh, Riau, Melaka, Sambas, Brunei, Banjar, Jawa, menjadi pusat pengembangan ilmu serantau. Namun apabila rantau Melayu terjajah, sejarah ini terpadam atau tertinggal dalam lipatan sejarah. Penjajah menutup sejarah gemilang itu agar masyarakat yang terjajah menyangka penjajahlah yang membawa tamadun. "Tak Melayu hilang di bumi" yang menjadi kebanggaan Hang Tuah memang benar, akan tetapi yang hilang ialah maruah Melayu. Jati

diri bangsa Melayu tersimpul dalam agama, budaya dan tatasulainya.

Raja Dr. Nazrin Shah ketika pelancaran buku *The Malays* karangan Profesor Anthony Milner di Universiti Kebangsaan Malaysia bertitah bahawa "Bangsa Melayu terikat dengan adat, disimpul bahasa dan disalut agama". Konotasi ini membawa maksud betapa bangsa Melayu tidak dapat dipisahkan daripada adat, bahasa dan Islam. Dalam adat ada sendi agama yang tersirat manakala dalam ungkapan kata tersirat maksud budaya dan peristilahan yang diterbitkan daripada paradigma agama. Inilah identiti dan jati diri Melayu turun temurun di rantau ini. Keunikan bahasa Melayu yang

digambarkan menerusi pantun, gurindam, seloka, peribahasa dan seumpamanya menggambarkan jati diri bangsa Melayu.

Bahasa terbaik untuk pendidikan ialah bahasa ibunda. Setiap Rasul diutuskan menerusi bahasa ibunda masing-masing. Dinyatakan dalam Surah Ibrahim ayat 4 yang bermaksud, "Kami tidak utuskan mana-mana rasul kecuali menerusi bahasa ibunda kaumnya..." Bahasa merupakan nikmat yang harus disyukuri setiap bangsa. Bahasa ibunda haruslah dijaga oleh bangsa tersebut seperti kita menjaga ibunda kita sendiri. Andainya kita tidak menjaga ibunda kita, tiada siapa lagi yang akan menjaganya. Sesungguhnya, bahasa ibunda merupakan nikmat anugerah Illahi kepada sesuatu kaum.

Perlu ditegaskan di sini tentang dua isu yang berbeza antara: menguasai bahasa antarabangsa dengan memartabatkan bahasa ibunda dalam pendidikan negara. Kedua-dua perkara ini perlu dilaksanakan secara bersepadu dan selari. Silaplah anggapan bahawa apabila kita memartabatkan bahasa ibunda dalam pendidikan, maka kita perlu abaikan penguasaan bahasa antarabangsa yang lain, seperti Arab, Cina, Perancis, Jerman, Rusia, Sepanyol dan Inggeris. Kedua-dua perkara harus dilaksanakan serentak. Malang sekali lagi bagi ilmuwan Melayu yang terpesona dengan unibahasa Inggeris yang menganggap bahasa antarabangsa itu ialah bahasa Inggeris sahaja.

Ada orang yang menyangka bahawa apabila kita memartabatkan bahasa ibunda,

maka hal ini bermakna kita meminggirkan penguasaan bahasa antarabangsa. Alangkah silapnya kerangka berfikir orang yang seperti ini. Tidak ada siapa pun yang menafikan kepentingan bahasa antarabangsa. Penguasaan bahasa antarabangsa harus giat dilakukan kerana kita hidup dalam masyarakat globalisasi. Hal ini perlu ditingkatkan menerusi pengajaran bahasa antarabangsa, iaitu melalui kursus bahasa moden, bukannya dalam Matematik atau Sains. Kita berasa

Bahasa Melayu telah berperanan sebagai bahasa ilmiah yang digunakan dalam sistem pendidikan tradisi. Ribuan kitab dihasilkan menerusi kegiatan keilmuan alam Melayu di bawah pengaruh Islam.

malu apabila kita melawat mana-mana perpustakaan di negara ini kerana kita tidak mempunyai koleksi antarabangsa dalam bahasa Perancis, Rusia, Belanda, Jerman, Sepanyol atau Latin klasik. Yang kita ada hanyalah koleksi Inggeris, seolah-olah hanya bahasa Inggeris sahaja bahasa antarabangsa. Semua bahasa merupakan anugerah Illahi yang perlu disayangi, lebih-lebih lagi bahasa ibunda yang menjadi anugerah khusus kepada bangsa Melayu.

Sebelum sistem pendidikan sekular Inggeris diperkenalkan di negara ini, bahasa Melayu telah berperanan sebagai bahasa ilmiah yang digunakan dalam sistem pendidikan tradisi. Ribuan kitab dihasilkan menerusi kegiatan keilmuan alam Melayu di bawah pengaruh Islam. Pendokumentasian karya Melayu dalam pelbagai bidang ilmu menyaksikan betapa kayanya karya ilmuwan Melayu yang mengungkapkan tulisan dan pemikiran menerusi bahasa ibunda. Amat malang bagi bangsa Melayu yang kurang menyedari keagungan warisan bangsa.

Sekolah vernakular Melayu yang diperkenalkan British di negara ini jauh lebih lewat berbanding dengan sistem pengajian tradisi Islam yang bertapak di negara ini. Para ilmuwan Melayu yang tidak terdedah kepada sistem pendidikan tradisi Islam, menyangka pembelajaran ilmu yang berkaitan sains dan matematik bermula dalam bahasa Inggeris lalu diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Maka, mengikut ilmuwan ini, bahasa Inggeris merupakan bahasa asal Sains dan Matematik. Alangkah

salahnya tanggapan ini. Bahkan di rantau ini pun, pengajaran ilmu Mantik, Astronomi dan Matematik diajarkan sejak kurun ke-15 lagi dengan menggunakan bahasa ibunda. Di Aceh misalnya, kurikulum di Jami' Baitul Rahman dan Baitul Rahim mencapai kemuncaknya dalam kurun ke-16 dengan pengungkapan pemikiran ilmuwan serantau dalam bahasa Melayu dalam bidang syariah, usuluddin, falsafah, perubatan, falak, dan peperangan.

Isu PPSMI yang dibincangkan ini mempunyai kaitan yang rapat dengan Falsafah Pendidikan Negara. Adakah dasar ini hakikatnya, menyokong Falsafah Pendidikan Negara? Sedangkan butir kata rangkapan falsafah merujuk ke arah membina "golongan berilmu yang mempunyai kesepaduan dan integriti dari segi intelek, jasmani, emosi dan rohani berdasarkan Rukun Negara yang pertama, iaitu kepercayaan kepada Tuhan". Selain intelek, Falsafah Pendidikan Negara berhasrat untuk melahirkan pelajar yang mempunyai watak yang bersepadu yang berperanan untuk pembinaan tamadun yang seimbang dalam negara. Kesepaduan yang dimaksudkan oleh pakar pendidikan negara kelihatannya bertentangan dengan dasar pemisahan intelek daripada budaya atau akademik daripada sistem nilai seperti yang diamalkan di Barat. Hal ini bermaksud Falsafah Pendidikan Negara mentakrifkan kurikulum acuan sendiri yang menekankan intelek dan insaniah.

Hal ini juga bermakna Malaysia perlu mentakrifkan maksud kemajuan dan pembinaan intelek dalam skema kesepaduan yang jelas. Adakah persoalan bahasa dan jati diri tidak termasuk dalam takrifan kesepaduan yang dimaksudkan? Apakah bahasa yang digunakan sebagai bahasa ilmiah sesebuah negara dapat dipisahkan daripada budaya dan sistem nilai masyarakat tersebut? Persoalan ini ialah persoalan pokok dalam perancangan kurikulum sesebuah negara.

Bangsa yang berjiwa kecil melihat aspek lahiriah bangsa

maju, berbanding dengan aspek keintelektualan serta nilai intrinsik yang bertunjang dalam sanubari ilmuwan. Mereka menyangka meniru budaya lahiriah bangsa maju meletakkan diri mereka turut maju seperti bangsa yang dikaguminya. Hal inilah yang ditempelak oleh Raja James England misalnya, terhadap Newton yang mengagungkan bahasa Latin berbanding dengan bahasa ibunda mereka sendiri, iaitu

Mampukah nama istilah Melayu diabadikan dalam fizik atau kimia pada masa hadapan andainya di bumi sendiri bahasa tersebut sekadar digunakan untuk komunikasi masyarakat bawahan, bukan dimartabatkan pada peringkat pengajian tinggi?

bahasa Inggeris kerana menyangka bahawa dengan menggunakan bahasa ibunda merendahkan martabat ilmunya. Maka, walaupun England berbangga dengan Newton sebagai ilmuwan Inggeris yang berjaya dalam fizik dan matematik tetapi Newton sendiri tidak berbangga dengan bahasa Inggeris, yakni bahasa ibundanya kerana Inggeris bukan

bahasa saintifik tetapi sekadar bahasa sastera klasik ketika itu. Buku Newton *Philosophia Naturalis Principia Mathematica* hanya diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris pada kurun yang lewat. Inilah contoh ilmuwan yang telah tertawan jiwanya dengan tamadun orang lain. Jiwa yang tertawan inilah pula yang menjadi sindrom pengagum Eropah serta budayanya seperti yang menerbitkan PPSMI ini. Roda manusia sentiasa berputar!

Adakah Malaysia dan alam Melayu tidak berhasrat untuk membina tamadun besar dengan berdiri di atas paradigma sendiri yang menjadikan iman, budaya, sistem nilai dan intelektual sebagai asasnya yang mendokong tinggi prinsip yang mulia? Adakah negara ini tidak berhasrat untuk merakamkan nama Melayu dalam satu ilmu yang bakal diasaskan oleh anak watan pada masa hadapan?

Mampukah nama istilah Melayu diabadikan dalam fizik atau kimia pada masa hadapan andainya di bumi sendiri bahasa tersebut sekadar digunakan untuk komunikasi masyarakat bawahan, bukan dimartabatkan pada peringkat pengajian tinggi? Apakah tidak mungkin apabila Malaysia mempunyai ahli sains kosmologi yang akan menamakan sebuah galaksi yang baru dicerap dengan nama Melayu, seperti Galaksi Mayang Mengurai atau Galaksi Nenek Kebayan, seperti Barat menamakan Andromeda atau Magallen Cloud? Dalam bahasa ada identiti, dalam identiti ada budaya, dalam budaya ada jati diri sesuatu kaum.

Kita berbangga apabila nama Proton Wira, Satria, Waja yang

membawa identiti Melayu menjarak ke seluruh dunia. Dunia mula menyebut kalimah Melayu itu serata benua. Itu pun sekadar jenama bagi teknologi orang lain. Kita mungkin boleh berbangga dengan istilah pertama Melayu yang termaktub dalam senarai istilah saintifik bidang zoologi, iaitu virus nipah sebab virus yang menyerang khinzir tersebut ditemui di Tanjung Nipah, Malaysia. Adakah kita hanya mampu berbangga dengan nama itu sahaja dalam dunia saintifik? Kita berharap penyakit chikungunya tidak ada kaitan pula dengan Felda Ciku di Gua Musang yang memang menjadi habitat pelbagai serangga. Sebaliknya, penempatan dan taman kediaman di Putrajaya pula digelar presint yang memalapkan budaya dan jati diri Melayu sendiri kerana tepegun penempatan sedemikian digunakan di Amerika. Alangkah malunya kita apabila ditanya pelancong negara tersebut, adakah bahasa Melayu tidak mempunyai istilah untuk penempatan sedemikian, sedangkan kadangkala istilah tersebut digunakan mereka untuk habitat haiwan seperti dalam istilah *animal precinct*?

Dalam Matematik, tajuk matriks yang merupakan kaedah susunan angka dalam bentuk susunan segi empat yang bermula dari atas ke bawah benar-benar menggambarkan budaya orang Jepun. Jepun menulis dari atas ke bawah berbeza dengan orang Eropah yang menulis dari kiri ke kanan, atau orang Islam dari kanan ke kiri. Penyusunan matriks diasaskan oleh ilmuwan Jepun yang bernama Seki Kowa. Budaya Jepun itu terpelihara dalam Matematik hingga kini di

seluruh dunia. Beliau pentakrifkan pengertian penentu dalam Matematik yang mempunyai imej rangkaian minda Jepun dalam pentakrifannya yang kompleks itu. Contoh ini sudah cukup untuk menggambarkan bahawa Sains dan Matematik terikat dengan budaya sesuatu kaum tanpa menafikan aspek kesejagatan dari sudut yang lain pula.

Adakah negara bersedia ke arah pembinaan peradaban yang seimbang dari segi pembinaan fizikal dan spiritual dalam bentuk yang sepadu dan selari? Adakah budaya, moral, bahasa dan adat resam tidak penting dalam pertimbangan kurikulum negara? Adakah kejayaan akademik semata-mata yang menjadi indeks kecemerlangan sistem pendidikan negara?

Sesungguhnya kita memerlukan pembinaan kurikulum acuan kita sendiri yang perlu diambil kira aspek intelek, iman, sahsiah, budaya, moral, bahasa dan kemasyarakatan dalam sistem nilai kita sendiri. Kita menerima ilmu dari seluruh dunia tetapi kurikulum ini perlu ditapis dan diolah agar sesuai dengan falsafah pendidikan negara. Isu bahasa merupakan satu persoalan yang bersepadu dengan seluruh aspek kurikulum pendidikan negara.

Kita bersyukur bahawa selepas zaman kemerdekaan, negara kita telah pesat membangun. Pendidikan, ekonomi, telekomunikasi, politik, budaya, dan pemikiran masyarakat berkembang maju sejajar dengan pembangunan fizikal yang lain. Kurikulum pendidikan dikaji, disemak, diperbaiki dan ditambah sentiasa oleh tokoh dan pakar bidang berkenaan. Kita berharap

budaya murni turun temurun masyarakat turut berkembang dan menjadi semakin cemerlang sesuai dengan kemajuan pembangunan negara dalam pelbagai bidang itu. Akan tetapi hasrat kita tidak sentiasa berlaku. Realiti yang ada tidak selari dengan hasrat dan harapan.

Adakah kita dapat bayangkan suatu masa nanti yang negara mempunyai cerdik pandai yang terbilang dalam bidangnya, tetapi miskin jiwanya dari segi kemanusiaan atau pincang kejiwaannya dari segi kemasyarakatan? Tamadun yang cemerlang ialah tamadun yang memiliki ilmu dalam pelbagai disiplin secara bersepadu, sama ada ilmu berbentuk teknologi atau asas, agama atau pemikiran, falsafah atau kemanusiaan, bahasa atau kemasyarakatan. Atau adakah kita memerlukan rombakan kurikulum secara besar-besaran agar Malaysia dapat membangun secara bersepadu dari segi intelek, keimanan, fizikal dan insaniah dalam acuan sendiri yang sesuai dengan ungkapan Rukun Negara yang pertama dan Falsafah Pendidikan Negara berdasarkan budaya dan sistem nilai yang kita warisi turun temurun? Maka, di manakah relevannya PPSMI dalam acuan itu? Semoga jawapan ikhlas yang terbit dari jiwa yang bersih dapat menjawab persoalan penting ini. Apa yang kita lakukan hari ini akan menjadi sejarah bagi generasi akan datang: baik atau buruknya. Sikap kita terhadap PPSMI akan dinilai generasi akan datang: baik atau buruknya. Anda bebas memilih dan ingatialah setiap pilihan yang anda buat pasti akan dinilai nanti: baik atau buruknya. **DB**